

## Kembali kepada Allah

Surat khabar Rusia (( Pravda)) lidah rasmi Parti Communist Soviet *Rusia* telah mengakui bahawa rumah-rumah ibadat gereja dan masjid-masjid telah dapat mengalahkan fahaman tidak mempercayai adanya tuhan beberapa buah daerah di negeri-negeri Persatuan Soviet Rusia. Dengan demikian masjid-masjid dan gereja-gereja telah berjaya menarik hati pemuda-pemuda supaya percayakan agama.

Sut khabar<sup>1</sup> tersebut telah mencaci persatuan-persatuan pemuda-pemuda communist, dan lembaga-lembaga penyeru parti communist yang gagal dan tidak berjaya sama sekali untuk menarik perhatian orang ramai supaya jangan menganut suatu agama, malahan gagal sama sekali daripada menarik perhatian kepada mempercayai fahaman-fahaman Mark dan Lenin.

Seorang penulis Mesir bernama Sabri Abdul Majid, menulis apa yang dilihat dan dialaminya selama beberapa hari ia meninjau dan mengunjungi negeri-negeri Soviet Rusia, dan membongkar rahsia, disebalik faham communist yang berpengaruh dan berkuku besi di seluruh Rusia.

Kerajaan Rusia telah berputus arang dengan agama, dengan kerana itu sekolah-sekolah tidak dibenarkan mengajar ajaran-ajaran agama, biar agama apa sekalipun, tidak dibenarkan menjalankan seruan-seruan dalam negeri Rusia. Tetapi ini tidak dapat menyekat kebanyakkan daripada penduduk-penduduknya untuk menganut suatu agama yang dipercayainya dan menyempurnakan kewajipan-kewajipan mereka terhadap agama masing-masing. Malahan setengah daripada pemuda-pemuda yang selama itu

tidak mempunyai kepercayaan kepada agama telah banyak yang memasuki agama Islam atau agama Kristian pada masa ini di Rusia terutama setelah matinya Stalin dan bersama kematianya hapus pula pemerintahan kuku besinya.

Selama di lapan tahun saya berada di Negeri China Comunist, kata penulis Sabri Abdul Majid.

Saya minta supaya saya dibenarkan mengunjungi sebuah tempat persembahan berhala Buza. Saya diperkenankan pergi ke tempat itu dengan ditemani oleh seorang pemuda Marxism, yang tidak mempunyai apa-apa kepercayaan terhadap agama.

Berkelilinglah saya dalam rumah berhala Buza itu sambil mengambil gambar beberapa kali untuk peringatan. Saya berdiri diatas beberapa kerusi untuk mengambil gambar-gambar itu. Saya dapati pemuda yang bersemangat Marxism itu dengan tiba-tiba telah bertukar rupa dari kebiasaanya. Saya dapati ia dengan khusyuknya menghadap kesebuah patung Buza, dan bila dilihatnya saya akan mendekatinya ia bersuara :

“ Jangan ambil gambar saya. Jangan saudara

<sup>1</sup> Ejaan asal surat khabar.

masuk ke bilik ini melainkan setelah saudara membuka sepatu, kerana tempat ini amat mulia.”


Saya tolak pemuda itu beberapa kali, dan saya dapati penuh keimanan dimatanya. bahkan saya dapati air matanya berlinang-linang di kelopak matanya. Tidak lama kemudian ia enggan menemani saya melihat-lihat rumah berhala itu dan bila telah tamat lawatan saya itu, ia meminta maaf kepada saya katanya :

“Saudara jangan berkecil hati, saya lemah, dan ingatan saya kembali kelima belas tahun dahulu, ketika ayah dan ibu saya pernah membawa saya ke tempat ini, dan ingatan saya kembali kepada peristiwa-peristiwa

lama yang menyebabkan saya lemah, dan saya berpendapat saya akan kembali pada mempercayai adanya tuhan.”

Pada suatu masa yang lain, saya pergi ke sebuah gereja, dalam gereja itu saya dapati penuh dengan manusia lelaki perempuan dan kanak-kanak, lahirnya saya dapati mereka itu penuh keimanan di dada mereka, dan di dalam gereja ini saya dapat mendengar sebuah cerita lucu dari salah seorang tua yang berbual-bual dengan teman-temannya :

“Ada seorang pemuda hendak memasuki Parti Communist, tatkala itu ia ditanya: Engkau tak boleh minum minuman-minuman keras! saya setuju kata pemuda



Apakah yang menarik hati dengan pohon-pohon kayu yang bergelimpangan ini? jawapannya: penduduk Kirkuk hendak melupakan ingatan mereka dari kekejaman bekas kerajaan diktator Qasim yang tidak berperikemanusiaan membunuh dan menyiksa lalu menggunakan beratus- ratus mayat suami, abang, bapa atau anak mereka di atas pohon-pohon kayu di bandar Kirkuk, maka untuk melupakan peristiwa kekejaman itu mereka tebang segala pohon-pohon di mana mayat-mayat itu dahulunya telah digantungkan.

itu. Engkau tidak boleh menghisap rokok. Saya setuju. Engkau tidak boleh mendekati wanita. Saya setuju. Engkau tidak boleh percaya adanya tuhan. Saya setuju. Engkau tidak boleh memiliki sesuatu untuk dirimu sendiri. Saya setuju. Bersediakah engkau berkorban kerana kepentingan parti? Saya bersedia, kata pemuda itu. Mengapa engkau mahu berkorban dalam segala-galanya ini? Saya berterima kasih kepada saudara, kerana saudara juga seorang pemuda yang tahan dan mahu berkorban dalam segala-segala ini. Kata pemuda yang baharu mahu masuk parti itu.

Tiap-tiap kata pemuda yang mengemukakan soalan-soalan tadi berkata: Tidak semestinya engkau berterima kasih kepadaku, ketahuilah bahawa kehidupan-kehidupan yang berdasarkan seperti syarat-syarat yang diminta ini, bukannya bernama kehidupan, kerana mati lebih baik daripada hidup serupa itu.

Mendengar cerita yang dibawa orang tua itu, semua yang mendengar betawa terbahak-bahak.

Pada penghujung tahun 1955 dan permulaan tahun 1956, didapati bilangan orang-orang Islam di negeri China kira-kira 50, 000,000 orang. Mereka itu dalam keadaan bebas mendirikan sembahyang-sebahyang pada waktunya dalam masjid-masjid. Pada suatu hari waktu kami (rombongan wartawan-wartawan dari Mesir) enggan memakan daging yang dihidangkan kepada kami disuatu majlis makan, esoknya kami dapat ada suatu pengumuman yang menyatakan "bahawa makanan-makanan dihidangkan itu telah disediakan oleh orang-orang islam, dan daging-dagingnya telah disembelih oleh orang-orang Islam."

Di negeri China banyak pemimpin-pemimpin Islam yang terdiri

dari anak negeri itu sendiri dan berkelulusan Azhar University, di antaranya saudara Muhammad Makin. Beliau berkata bahawa bilangan orang-orang Islam atau yang memeluk agama Islam di negeri China semakin hari semakin bertambah. Dan orang-orang Islam cina dalam perang dunia yang kedua dan dalam perang kebangsaan banyak yang turut mengambil peranan utama, dan bukan sedikit bilangan-bilangan mereka yang berkorban gugur sebagai syahid sebagai pahlawan-pahlawan yang mempertahankan tanah air dan bangsanya.

Waktu saya berada di Bulgaria pula, kata penulis Sabri Abdul Majid, saya berkesempatan melawat Mufti Islam Bulgaria yang dipanggil oleh mereka " Basha Mufti ", kebetulan baharu sahaja keluar dari hospital kerana memperkenankan permintaan saya hendak menemuinya di pejabat mufti di Sofia. Beliau menyebutkan kepada saya suatu perumpamaan Turki yang berbunyi: (( Engkau tidak dapat , mengetahui apa yang sebenarnya berada pada seorang itu dalam dua perkara: Iman atau kepercayaan dan wang atau hartanya.))

Kerana itu susah bagi seorang terutama di Bulgaria untuk menentukan samaada orang itu beragama atau tidak. Kalau seorang Bulgaria didapati tidak berpuasa ( dalam bulan puasa) mungkin mereka itu turut makan sahur, turut menunaikan sembahyang dan menunaikan zakat, dan sentiasa mendirikan syiar Islam sama ada berterang-terangan atau bersembuni-sembunyi.

Di Bulgaria boleh jadi sampai ada orang yang benar-benar menyembunyikan keagamaanya, untuk menjaga kedudukannya, atau untuk menjaga periuk nasinya, dan ini tidak bersalah dalam agama islam, kerana perhubungan antara



Tarian-tarian kanak-kanak perempuan dalam gambar di atas membayangkan salah satu kesenian Bangsa Turkmen .

---

seseorang dengan tuhanya tidak perlu ditunjuk-tunjukkan di hadapan manusia.

Tuan Osman bin Akif Basha Mufti itu selanjutnya berkata:

Tidak ada seorang pun orang Islam dalam Bulgaria yang berjumlah kira-kira 600, 000 orang yang murtad, atau berpaling tada keluar dari agama Islam. Dan sebanyak 50 orang imam telah dilantik untuk menjaga hal ehwal orang-orang Islam diseluruh Bulgaria, menunaikan sembahyang pada waktu-waktunya dan mereka itu diberi gaji oleh pejabat mufti, manakala perkuburan-perkuburan untuk orang-orang Islam dikhaskan, mereka mempunyai sekolah-sekolah yang tersendiri dan perkahwinan-perkahwinan dilakukan di masjid-masjid.

Perkataan-perkataan seperti itu juga saya dengar dari Tuan Yaakub Haji Muhammad, Mufti Besar Romania. Kata penulis Sobri Abdul Majid.

Bilangan orang-orang islam di Romania lebih kurang

35, 000 orang, mereka itu sentiasa menyempurnakan perintah-perintah agama dan menjauhi segala larangannya. Dan bilangan mereka itu sehari demi sehari semakin bertambah.

Dalam Romania ada 104 buah masjid dan ada yang sedang dalam binaan lagi dan berpuluhan-puluhan buah sekolah yang diajarkan perlajaran-perlajaran agama islam. Dan sebuah menara masjid yang menjulang di Contansa<sup>2</sup> adalah menunjukkan agama Islam subur di Romania, kata mufti itu.

Saya telah diperlihatkan sebuah naskah al-Qur'an yang di dalamnya ada tafsir-tafsir dan pengertiannya dalam bahasa Romania.

Majalah "Times" sebuah majalah Amerika yang berpengaruh, membayangkan perubahan yang berlaku pada pemimpin-pemimpin Soviet Rusia, kerana sekarang ini kebanyakkan mereka memihak kepada yang percayakan bahawa di dalam dunia ini ada tuhan yang menciptanya, biarpun mereka itu tidak sebenar-benarnya menganut suatu faham agama, tetapi dapatlah disifatkan mereka itu bahawa mereka tidaklah mulhid (tidak mengakui adanya tuhan), biarpun Soviet Rusia berdaya upaya untuk melarang manusia supaya jangan beragama, dengan tekanan-tekanan dan menutup tempat-tempat beribadat, tetapi dalam Persatuan Soviet Rusia sekarang ini ada kira-kira 20, 000 masjid dan gereja-gereja yang sentiasa dikunjungi oleh orang-orang yang beriman kepada Allah.

---

<sup>2</sup> Ejaan asal Constanta